

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November, 1989

ATP 301 - Perakaunan Pengurusan

Masa: [ 3 JAM ]

-----  
ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMBILAN soalan: SEMUA daripada Bahagian A dan EMPAT daripada Bahagian B. Sumbangan markah tiap-tiap soalan di Bahagian A dan B ialah 12 dan 10 markah masing-masing.

BAHAGIAN A

1. Syarikat Ancel Jaya mengeluarkan 40,000 unit barangan pada tahun 1989 dan telah menjualkan 10,000 unit daripada jumlah pengeluaran pada harga \$40 seunit. Kos prima yang berkaitan dengan unit pengeluaran ialah \$100,000 untuk bahan mentah dan \$120,000 untuk buruh langsung. Juga firma mempunyai kos sebanyak \$400,000 yang belum digolongkan kepada kos pengilangan dan kos jualan dan pentadbiran.

Pengurus Pengeluaran berpendapat bahawa hanya \$100,000 daripada \$400,000 itu berkait dengan kos overhead kilang sementara Pengurus Jualan pula berpendapat bahawa \$320,000 daripada \$400,000 adalah berkaitan dengan pengeluaran. Presiden firma menyatakan bahawa penyata pendapatan untuk firma akan kelihatan sama tidak kira berapa banyak kos yang diagihkan kepada jabatan-jabatan.

Dikehendaki:

- (a) Nyatakan sama ada anda bersetuju dengan pendapat Presiden? Terangkan.
- (b) Sediakan penyata pendapatan berdasarkan pendapat Pengurus Pengeluaran.
- (c) Sediakan penyata pendapatan berdasarkan pendapat Pengurusan Jualan.
- (d) Terangkan perbezaan yang terdapat pada (b) dan (c).

[12 markah]

...2/-

2. Syarikat Gula Manis yang mengeluarkan coklat manis menjual coklatnya pada harga \$2.00 sekeping. Kos pengilangan boleh ubah ialah \$1.00 sekeping dan kos jualan boleh ubah ialah \$0.25 sekeping. Kos tetap adalah berdasarkan julat aktiviti yang berikut:

Julat	Kos tetap
-----	-----
0 - 40,000 keping	\$35,000
40,001 - 75,000 keping	\$50,000
75,001 - 125,000 keping (maxima)	\$70,000

Di dalam tahun 1988 syarikat menjual 45,000 keping coklat.

Dikehendaki:

- (a) Dapatkan pendapatan bersih syarikat ini untuk 1988.
- (b) Berapa keping tambahan (daripada 45,000) perlu dijual oleh syarikat untuk mendapatkan titik pulang modal sekiranya unit tambahan itu dijual pada harga \$1.90?
- (c) Jawab kembali soalan (b) tetapi andaikan syarikat ingin mendapatkan keuntungan sebanyak \$6,000.
- (d) Apakah keuntungan maxima yang boleh diperolehi oleh syarikat? [Anggap soalan ini berasingan daripada soalan (b) dan (c)].
- (e) Syarikat ingin membuat dan menjual 85,000 keping coklat tetapi tidak mahu menanggung tambahan kepada kos tetap. Dengan itu, syarikat berkeputusan untuk membayar dua kali ganda (2x) kos buruh untuk mengeluarkan 10,000 keping tambahan daripada julat aktiviti yang kedua (iaitu 10,000 keping tambahan daripada 75,000 keping). Sekiranya kos buruh ialah  $\frac{3}{4}$  daripada kos pengilangan boleh ubah, tentukan keuntungan yang akan diperolehi.

[12 markah]

...3/-

3. Syarikat Bekalan Kebun mempunyai tiga jabatan iaitu: Jabatan Baja, Jabatan Pokok Taman dan Jabatan Pokok Buah-Buahan. Maklumat yang berkaitan dengan jabatan-jabatan ini ialah seperti berikut:

	Baja -----	Pokok taman -----	Pokok buah-buahan -----
Jualan	\$60,000	\$40,000	\$50,000
Peratusan kos boleh ubah:			
Kos pengilangan	40%	30%	35%
Kos jualan	20%	20%	10%
Kos tetap:			
Terkawal oleh pengurus jabatan	\$8,000	\$7,000	\$15,000
Tidak terkawal oleh pengurus jabatan	\$6,000	\$7,000	\$10,000
Peruntukan kos umum	\$3,000	\$2,000	\$ 6,000

Dikehendaki:

- Sediakan penyata pendapatan bentuk caruman bahagian dengan menyediakan kolom-kolum untuk setiap jabatan dan untuk syarikat pada keseluruhannya.
- Jumlah yang manakah merupakan pengukur yang paling sesuai untuk menilai pencapaian setiap pengurus jabatan.
- Jumlah yang manakah merupakan pengukur yang paling sesuai untuk menilai keuntungan jabatan.
- Puan Azrin, Pengurus Jualan syarikat bercadang untuk membuat iklan pada tahun hadapan dengan belanja \$10,000. Dia berkeyakinan bahawa iklan tersebut dapat menambahkan jualan sekurang-kurangnya 30% pada setiap jabatan. Presidennya, Encik Yusfi, hanya sanggup meluluskan belanja iklan tersebut sekiranya pendapatan bersih syarikat boleh bertambah dengan jumlah sekurang-kurangnya \$5,000. Haruskah iklan tersebut dilancarkan oleh syarikat?

[12 markah]

...4/-

4. Syarikat PTA menyediakan kos piawai seunit yang berikut untuk mengawal kos pengeluarannya:

Bahan mentah	(1/2 paun/unit @ \$10/paun)	\$5
Buruh langsung	(2 jam/unit @ \$3/jam)	\$6
Overhed boleh ubah	(2 jam/unit @ \$1.50/jam)	\$3

Overhed tetap dianggarkan pada \$15,000 sebulan. Pada awal Januari, 1988, 15,000 unit dianggarkan untuk pengeluaran, tetapi hanya 12,500 unit sahaja yang sebenar dikeluarkan pada bulan itu. Maklumat sebenar untuk bulan Januari ialah seperti berikut:

6,404 paun dibeli dan diguna, pada kos \$10.15 se paun
26,621 jam dikerjakan
\$78,000 kos buruh langsung (\$2.93 sejam)
\$39,000 kos overhed boleh ubah (\$1.465 sejam)
\$14,900 kos overhed tetap

Dikehendaki:

Carikan semua varians yang terlibat dengan:

- (a) Bahan mentah.
- (b) Buruh langsung.
- (c) Overhed boleh ubah.
- (d) Overhed tetap.

[12 markah]

5. Syarikat Tembikar mempunyai dua Jabatan Perkhidmatan yang terdiri daripada jabatan pentadbiran dan jabatan pengawasan dan dua Jabatan Pengeluaran iaitu jabatan memesin dan jabatan memasang. Maklumat tertentu mengenai jabatan-jabatan tersebut ialah seperti berikut:

	<u>Jabatan Perkhidmatan</u>		<u>Jabatan Pengeluaran</u>	
	<u>Pentadbiran</u>	<u>Pengawasan</u>	<u>Memesin</u>	<u>Memasang</u>
Kos overhed sebelum peruntukan	\$200,000	\$45,000	\$200,000	\$300,000
Jam buruh	-	5,000	10,000	25,000
Kaki persegi	10,000	-	50,000	40,000

...5/-

Peruntukan kos pentadbiran kepada jabatan-jabatan lain adalah berasaskan jam buruh dan kos pengawasan pula diperuntukkan berasaskan kaki persegi kawasan yang digunakan.

Dikehendaki:

- (a) Anda memperuntukkan kos jabatan perkhidmatan dengan menggunakan
  - (i) Kaedah langsung.
  - (ii) Kaedah menurun.
- (b) Tentukan kadar overhed untuk jabatan memesin dan memasang berdasarkan jam buruh yang digunakan bagi kedua-dua kaedah pada bahagian (a).
- (c) Bilangan jam buruh yang diperlukan untuk menyiapkan kerja 301 pada kedua-dua Jabatan Pengeluaran ialah seperti berikut:

	Memesin -----	Memasang -----
Kerja 301	5	20

Dengan menggunakan kadar overhed yang telah dikirakan pada bahagian (b), kirakan kos overhed yang akan diperuntukkan kepada kerja 301 sekiranya kaedah langsung digunakan.

[12 markah]

**BAHAGIAN B**

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

- 6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perakaunan yang bertanggungjawab?
- (b) Huraikan pengaliran maklumat belanjawan di dalam sesebuah organisasi. Siapakah yang mengambil bahagian di dalam proses belanjawan dan bagaimanakah peserta-peserta itu mengambil bahagian?

[10 markah]

...6/

- (a) Bezakan antara bentuk organisasi jenis sentralisasi dan jenis desentralisasi. Terangkan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi pilihan struktur sesebuah organisasi.
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan harga pindahan dan berikan sebab-sebab kegunaannya?

[10 markah]

8. (a) Apakah perbezaan utama antara perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan? Dari aspek manakah kedua-dua bidang ini boleh dikatakan sama?
- (b) Selain daripada untuk membuat keuntungan, apakah objektif-objektif yang penting kepada pengurus-pengurus di dalam sesebuah organisasi.

[10 markah]

9. (a) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memilih pengukur pencapaian?
- (b) Bincangkan beberapa cara pulangan ke atas pelaburan bagi sesebuah pusat pelaburan boleh dipertingkatkan.

[10 markah]

10. (a) Berikan tiga faktor yang mempengaruhi titik pulang modal di dalam pengekosan serapan.
- (b) "Perbezaan pada jumlah pendapatan daripada operasi antara pengekosan variabel dan pengekosan serapan adalah disebabkan oleh perakaunan untuk kos tetap". Adakah anda bersetuju dengan pendapat itu? Terangkan.

[10 markah]

--oooo000oooo--